

**WORLD BUSINESS MASTERCARD UOB**  
**Insurans Penepian Liabiliti Korporat Percuma**  
**Terma dan Syarat**

## **Am**

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad World Business MasterCard United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") yang dikeluarkan oleh UOBM kepada Ahli Kad World Business MasterCard UOBM ["Ahli Kad"].

Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau dibatalkan oleh UOBM pada bila-bila masa, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

1. Terma dan Syarat ini digunakan untuk pemegang kad World Business Mastercard UOB. Untuk mendapat perlindungan insurans percuma, akaun kad mestilah aktif dan tidak tertunggak.
2. Perlindungan insurans ini ditaja jamin oleh Liberty Insurance Berhad.
3. UOBM tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung oleh penyertaan Ahli Kad dalam polisi ini. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang ditolak oleh Liberty Insurance Berhad.
4. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan polisi ini.
5. Mengikut yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan berhubung dengan polisi ini.
6. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, paparan notis di mana-mana cawangan UOBM, Khidmat Pesanan Ringkas dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.
7. Ini merupakan polisi tahunan dan pada dasar boleh diperbaharui. UOBM berhak untuk menghentikan polisi ini pada tarikh tamat tempoh.
8. Sekiranya berlaku tuntutan, apa-apa caj yang dikenakan akan ditanggung oleh Ahli Kad.
9. Terma & Syarat berikut merupakan syarat yang dikenakan oleh Liberty Insurance Berhad.

## **KELAYAKAN**

Ahli Diinsuranskan adalah pelanggan Kad Komersial UOB (yang terdiri daripada perbankan perniagaan, perbankan komersial, perbankan korporat dan syarikat multinasional) yang memohon Kad Pembayaran untuk kegunaan perbelanjaan perniagaan.

## **DEFINISI**

### **Manfaat**

Merujuk kepada kelayakan kewangan yang dibayar balik kepada Ahli Diinsuranskan selaras dengan terma dan syarat polisi insurans ini.

### **Tarikh Kejadian**

Merujuk kepada tarikh berlakunya kejadian.

### **Diinsuranskan**

Merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. (271809-K).

### **Ahli Diinsuranskan**

Merujuk kepada pelanggan kad komersial Pihak Diinsuranskan (syarikat) yang telah memohon Kad Pembayaran Korporat untuk digunakan oleh Pihak Diinsuranskan.

### **Pihak Diinsuranskan**

Bermakna kakitangan tetap Ahli Diinsuranskan yang dibenarkan mendapat Kad Pembayaran Komersial untuk perniagaan Syarikat sahaja.

### **Polisi Induk**

Bermakna polisi insurans ini.

### **Kad Pembayaran**

Bermakna Kad Kredit Komersial yang sah yang dikeluarkan oleh Diinsuranskan kepada Pihak Diinsuranskan untuk tujuan perniagaan Ahli Diinsuranskan sahaja.

### **Tempoh Polisi**

Merujuk kepada tempoh di mana perlindungan akan berkuatkuasa.

### **Tarikh Penamatan**

Bermakna tarikh di mana:

- a) Pihak Diinsuranskan memberi notis penamatan pekerjaan kepada Ahli Diinsuranskan;
- b) tarikh Ahli Diinsuranskan memberi notis penamatan pekerjaan kepada Pihak Diinsuranskan; atau
- c) tarikh di mana Kad Pembayaran yang dibenarkan ditarik balik oleh Ahli Diinsuranskan daripada Pihak Diinsuranskan, yang mana lebih awal.

### **Kecurian**

Bermakna apa-apa tindakan Penipuan atau ketidakjujuran oleh mana-mana Pihak Diinsuranskan yang dilakukan berhubung dengan Kad Pembayaran yang dikeluarkan kepada mereka dengan niat untuk memperoleh keuntungan kewangan untuk diri mereka sendiri atau mana-mana individu atau organisasi lain di mana Pihak Diinsuranskan ingin menerima keuntungan secara sedemikian.

### **Caj Boleh Diketepikan**

Bermakna semua jumlah yang dicajkan kepada Kad Pembayaran yang tidak mempunyai Manfaat langsung atau tidak langsung kepada Ahli Diinsuranskan di mana:

- a) Ahli Diinsuranskan telah membayar bil tetapi tidak mendapat pembayaran balik daripada Pihak Diinsuranskan;
- b) Diinsuranskan telah mengeluarkan bil kepada Pihak Diinsuranskan dan Ahli Diinsuranskan telah membayar balik Pihak Diinsuranskan tetapi Pihak Diinsuranskan belum lagi membayar Diinsuranskan; atau

- c) Ahli Diinsuranskan telah menerima Manfaat langsung atau tidak langsung tetapi perlu mengikut kontrak untuk membayar dua kali akibat daripada (b) di atas.

### **Tarikh Penepian**

Merujuk kepada tarikh bermulanya kerugian oleh Ahli Diinsuranskan.

### **Surat Permintaan Penepian**

Bermakna surat yang ditulis oleh Ahli Diinsuranskan mengenai butiran kerugian akan dihantarkan kepada Diinsuranskan melalui pos atau faks atau e-mel.

## **SYARAT AM**

### **1. PERUBAHAN KONTRAK SECARA KESELURUHAN DALAM POLISI**

Apa-apa pernyataan yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan yang tidak dimasukkan secara khusus tidak boleh dipertimbangkan dalam apa-apa keadaan pun sebagai sebahagian daripada polisi atau digunakan dalam sebarang prosiding undang-undang yang berkaitan dengannya. Tidak ada agen yang mempunyai kuasa untuk mengubah polisi ini atau mengetepikan mana-mana peruntukan yang terkandung. Sebarang pindaan polisi ini adalah tidak sah kecuali diluluskan oleh Diinsuranskan/Syarikat Insurans secara bertulis dan disahkan sewajarnya.

### **2. NOTIS TUNTUTAN**

Semua tuntutan mesti dilakukan secara bertulis dan dihantar kepada Liberty Insurance Berhad, Menara Liberty, 1008 Jalan Sultan Ismail, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kerugian. Selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat". Ahli Diinsuranskan perlu mengemukakan semua dokumen berkenaan untuk pemeriksaan Syarikat pada masa yang sewajarnya dan akan bekerjasama dengan Syarikat dalam semua perkara berhubung dengan sebarang kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan Ahli Diinsuranskan. Notis tuntutan bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak Ahli Diinsuranskan dan diterima oleh pejabat cawangan Syarikat di Malaysia, atau oleh mana-mana agen yang dibenarkan oleh Syarikat, akan dianggap sebagai notis kepada Syarikat.

### **3. BUKTI KERUGIAN**

Bukti bertulis untuk kerugian perlu dihantar kepada Syarikat dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Kerugian. Kegagalan untuk mengemukakan bukti dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan membatalkan atau mengurangkan sebarang tuntutan jika bukti tersebut tidak diberikan dalam tempoh sedemikian, dengan syarat bukti tersebut disediakan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan, melainkan dalam ketiadaan keupayaan undang-undang, lebih 1 tahun dari Tarikh Kerugian.

### **4. HAD TUNTUTAN**

Tuntutan Manfaat tidak akan dibayar untuk sebarang tuntutan yang dikemukakan kepada Syarikat melebihi tempoh 1 tahun dari Tarikh Kerugian.

### **5. BUKTI TUNTUTAN**

Ahli Diinsuranskan perlu mengemukakan dokumen berikut kepada Syarikat berikutan tuntutan yang dilakukan oleh beliau:

- a) Borang tuntutan yang lengkap;
- b) Laporan polis yang rasmi berkenaan kerugian; dan
- c) Surat rasmi daripada Ahli Diinsuranskan mengesahkan caj tanpa kebenaran di mana Pihak Diinsuranskan telah dipertanggungjawabkan.

Semua dokumen dan bukti mesti disediakan pada perbelanjaan Ahli Diinsuranskan dalam bentuk dan cara yang diperlukan. Senarai yang dinyatakan di atas adalah tidak lengkap. Syarikat berhak meminta apa-apa dokumen lanjut yang berkenaan dan munasabah untuk menyokong tuntutan tersebut.

Jika sebarang tuntutan adalah penipuan dalam apa-apa bentuk, atau melalui cara penipuan, atau peranti digunakan oleh Diinsuranskan dan/atau Ahli Diinsuranskan atau mana-mana individu

yang bertindak untuk memperoleh Manfaat di bawah Polisi Induk ini atau sebarang kerugian adalah disebabkan oleh perbuatan disengajakan atau dengan pembiaran Diinsuranskan dan/atau Ahli Diinsuranskan, semua manfaat di bawah Polisi Induk ini akan dibatalkan.

Manfaat yang disediakan di bawah Polisi Induk ini tidak boleh digunakan berhubung dengan apa-apa kerugian yang disebabkan oleh Pihak Diinsuranskan jika Ahli Diinsuranskan mempunyai pengetahuan mengenai sebarang tindakan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan. Bagi tujuan Polisi Induk ini, Pengetahuan yang dimiliki oleh Ahli Diinsuranskan bermakna pengetahuan yang dimiliki oleh seorang rakan kongsi, pengarah atau pegawai dilantik yang mengetahui tentang pengambilan kerja seseorang individu dan individu tersebut bertindak secara penipuan atau tidak jujur.

Selepas menyedari perbuatan Kecurian oleh Pihak Diinsuranskan, adalah menjadi kewajipan Ahli Diinsuranskan untuk memaklumkan Diinsuranskan dengan serta-merta dan meminta Kad Pembayaran Pihak Diinsuranskan diletakkan dalam senarai tergantung bagi memastikan tiada liabiliti selanjutnya ke atas Syarikat pada masa hadapan.

#### **6. PENERIMAAN**

Syarikat tidak komited untuk bertindak atas sebarang notis mengenai apa-apa caj amanah, lien, penyerahan hak atau urusan lain dengan polisi dan penerimaan Ahli Diinsuranskan untuk sebarang pampasan yang perlu dibayar di sini akan menjadi pelepasan dalam semua perkara terhadap liabiliti Syarikat.

#### **7. INDEMNITI YANG PERLU DIBAYAR**

Semua indemniti dalam polisi ini akan dibayar kepada Ahli Diinsuranskan. Proses tuntutan termasuk penyelesaian akan diuruskan secara terus antara Syarikat dan Ahli Diinsuranskan di mana pelepasan beliau merupakan penyelesaian penuh dan muktamad bagi tuntutan yang dilaporkan.

#### **8. PROSIDING UNDANG-UNDANG**

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak akan dibawa ke atas polisi ini sebelum tamat tempoh 60 hari selepas bukti bertulis mengenai kerugian telah dikemukakan menurut syarat polisi ini. Tindakan sedemikian juga tidak akan dibawa sama sekali kecuali dibawa dalam tempoh 1 tahun dari tamat tempoh di mana bukti bertulis mengenai kerugian diperlukan oleh polisi.

#### **9. PENAMATAN PERLINDUNGAN**

Polisi ini akan ditamatkan secara automatik pada mana-mana tarikh paling awal berikut:

- a. Apabila polisi dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat menurut peruntukan Klausula 10 di bawah seksyen ini, di bawah tarikh yang dinyatakan di dalamnya; atau
- b. Penamatan perlindungan ini di pasaran tertentu menurut Syarat Penarikan Balik Portfolio dalam Klausula 11.

#### **10. PEMBATALAN**

Diinsuranskan dan/atau Syarikat boleh membatalkan Polisi Induk pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 30 hari dengan menulis kepada yang lain di alamat terakhir mereka. Diinsuranskan berhak mendapatkan bayaran balik secara prorata untuk baki tempoh di mana premium yang telah diterima, dengan syarat tiada tuntutan telah dilakukan dalam Tempoh Polisi yang berkesan.

Pembatalan sedemikian tidak akan menjejaskan hak Diinsuranskan dan/atau Ahli Diinsuranskan berkenaan dengan caj yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan sebelum tarikh pembatalan bermula.

#### **11. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO**

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Syarikat mengambil keputusan untuk berhenti menaja jamin produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhannya akan diberikan melalui notis bertulis 30 hari kepada Diinsuranskan, dan Syarikat akan menghentikan semua Jadual Polisi hingga tamat Tempoh Polisi dalam portfolio.

## **12. KLAUSA TIMBANG TARA**

- a. Sebarang pertikaian, perselisihan atau persoalan yang mungkin akan timbul pada bila-bila masa selepas ini antara Syarikat dan Pihak Diinsuranskan atau wakil sah berhubung dengan tafsiran polisi atau hak atau liabiliti pihak yang berkenaan dengannya akan dirujuk kepada timbang tara. Polisi ini tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- b. Timbang tara tersebut akan didengar oleh seorang penimbang tara di mana pelantikan beliau akan dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan dalam tempoh 14 hari dari permulaan prosedur timbang tara. Jika perjanjian menjadi ingkar, seorang penimbang tara akan dilantik menurut dan tertakluk kepada peruntukan Akta Timbang Tara Malaysia 2005 atau apa-apa pengubahsuaian statutori atau pembuatan semula yang dikuatkuasakan pada waktu tersebut.

## **13. KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN DATA PERIBADI**

Dengan menyerahkan permohonan untuk perlindungan, Ahli Diinsuranskan dan/atau Pihak Diinsuranskan telah membenarkan pengutipan maklumat peribadi beliau oleh Syarikat (sama ada melalui telefon atau diperolehi dengan cara lain) dan maklumat ini boleh dipegang, digunakan, atau didedahkan oleh Syarikat kepada individu, penyedia perkhidmatan dan organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (di dalam atau di luar Malaysia, termasuk syarikat penyiasatan insurans semula dan tuntutan serta persatuan industri) bagi tujuan penyimpanan dan pemprosesan insurans ini dan penyediaan perkhidmatan selanjutnya, produk dan perkhidmatan kewangan Syarikat, pepadanan data, tinjauan dan untuk berkomunikasi dengan Ahli Diinsuranskan dan/atau Pihak Diinsuranskan untuk tujuan sedemikian. Ahli Diinsuranskan dan/atau Pihak Diinsuranskan berhak untuk mendapat akses, meminta pembetulan atau menarik balik persetujuan beliau untuk menggunakan sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat.

## **14. CUKAI YANG DIKENAKAN**

Semua cukai yang dikenakan untuk tujuan tuntutan akan ditanggung oleh Ahli Diinsuranskan.

UNTUK MENGELAKKAN KERAGUAN, WALAU APA PUN SYARAT INI, LIBERTY INSURANCE BERHAD MALAYSIA TIDAK AKAN MEMBAYAR SEBARANG JUMLAH MELEBIHI HAD LIABILITI YANG DINYATAKAN DALAM POLISI INI ATAU DALAM JADUAL.

15. Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

## **MANFAAT POLISI**

### **PERLINDUNGAN**

Syarikat akan melindungi Ahli Diinsuranskan terhadap kerugian yang ditanggung di mana Ahli Diinsuranskan berhak untuk dilindungi untuk:

- a) kerugian Caj Boleh Diketepikan yang perlu dibayar kepada Diinsuranskan atau di mana mereka bertanggungjawab secara sah yang disebabkan oleh apa-apa tindakan Kecurian yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan; dan
- b) kerugian Caj Boleh Diketepikan yang perlu dibayar kepada Diinsuranskan atau di mana mereka bertanggungjawab secara sah yang disebabkan oleh sebarang transaksi tanpa kebenaran dijalankan oleh kakitangan Ahli Diinsuranskan dengan menggunakan Kad Pembayaran yang dikeluarkan oleh Diinsuranskan. Untuk mengelakkan keraguan, "transaksi tanpa kebenaran" dalam klausa ini bermakna sebarang transaksi yang tidak dibenarkan oleh Ahli Diinsuranskan dan yang telah digunakan oleh kakitangan Ahli Diinsuranskan untuk keuntungan peribadi mereka.
- c) fi juruaudit yang ditanggung untuk membuktikan jumlah tuntutan.

dengan syarat bahawa:

- i) Caj Boleh Diketepikan telah dibilkan sehingga 75 hari sebelum Tarikh Penepian dan dimaklumkan oleh Ahli Diinsuranskan kepada Diinsuranskan melalui Surat Permintaan Penepian pada atau dalam tempoh 14 hari dari Tarikh Penepian;
- ii) ditanggung tetapi belum dibilkan seperti pada Tarikh Penepian atau sehingga 14 hari selepas tarikh di mana Diinsuranskan menerima permintaan untuk membatalkan Kad Pembayaran Pihak Diinsuranskan, yang mana lebih awal;
- iii) didapati tidak lewat daripada 75 hari selepas penamatan polisi ini atau penamatan
  - a. insurans berhubung dengan Ahli Diinsuranskan yang menggaji Pihak Diinsuranskan berkenaan dengan kerugian,
  - b. yang mana berlaku dahulu;Jumlah keseluruhan manfaat, di bawah (a), (b) dan (c) termasuk fi juruaudit tidak boleh melebihi had perlindungan yang dinyatakan dalam Jadual Had di bawah.

tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Induk ini.

	HAD PERLINDUNGAN (RM)	
	Setiap Pihak Diinsuranskan	Setiap Ahli Diinsuranskan
Penepian Liabiliti Pembelian (setahun)	Sehingga RM 75,000	Sehingga RM 4,950,000

#### Peruntukan Khas

Jika pada masa apa-apa kerugian, Ahli Diinsuranskan telah melanggan mana-mana Insurans Penepian Liabiliti Pembelian yang lain, ia harus difahami bahawa:

- a) Had untuk mana-mana satu Pemegang Kad adalah seperti di bawah polisi di mana tuntutan tersebut dilakukan; dan
- b) Polisi Induk ini akan digunakan hanya untuk jumlah kerugian yang melebihi jumlah yang boleh didapati di bawah polisi lain.

#### HAD GEOGRAFI

Insurans yang diberikan di bawah Polisi Induk ini boleh digunakan 24 jam sehari di seluruh dunia kecuali dinyatakan sebaliknya di sini yang tidak dimasukkan oleh sebab pindaan atau pengesahan berikutnya ke atas Polisi Induk ini.

#### PENGECUALIAN

1. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada:
  - a) Kerugian faedah (faedah yang dikenakan ke atas Kad Pembayaran) atau apa-apa kerugian turutan;
  - b) Kerugian yang disebabkan oleh sebarang tindakan oleh mana-mana Pemegang Kad yang dilakukan sebelum tarikh permulaan bagi Pemegang Kad tersebut;
  - c) Caj yang ditanggung untuk membeli barang bagi Pihak Diinsuranskan atau individu selain Pemegang Kad menurut arahan Pihak Diinsuranskan atau kenalannya, oleh Pihak Diinsuranskan jika barangan atau perkhidmatan tersebut adalah jenis yang selalu dibeli oleh atau untuk Pihak Diinsuranskan;
  - d) Caj yang ditanggung oleh Pemegang Kad selepas Tarikh Penepian atau caj yang ditanggung telah melebihi 14 hari selepas Diinsuranskan menerima permintaan untuk membatalkan Kad Pembayaran Pemegang Kad, yang mana lebih awal;
  - e) Pendahuluan tunai, selepas Pemberitahuan Tarikh Penamatan;
  - f) Pendahuluan tunai yang melebihi RM900 sehari atau maksimum RM3,000 sebelum

Pemberitahuan Tarikh Penamatan;

- g) Sebarang bentuk jaminan kewangan, jaminan atau indemniti kredit;
- h) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, penentangan, revolusi, pemberontakan, kuasa tentera atau rampasan kuasa;
- i) Sebarang kerugian atau liabiliti yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada sinaran pengionan atau pencemaran radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau mana-mana sisa nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear, sifat radioaktif, toksik, mudah letup atau bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan nuklear mudah letup atau komponen nuklear, tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif;
- j) Rusuhan;
- k) Apa-apa tindakan keganasan:  
Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermakna sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak lain atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan, yang komited untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan.

Pengecualian ini juga tidak termasuk kerugian, ganti rugi, kematian, kecederaan, penyakit, kos atau perbelanjaan dalam apa-apa bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menindas atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan

- l) perintah mana-mana pegawai kerajaan, pihak berkuasa awam atau kastam;
  - m) penipuan, salah nyata oleh Ahli Diinsuranskan dan/atau Pihak Diinsuranskan berhubung dengan Kad Pembayaran mereka dan/atau Polisi Induk ini;
  - n) kerugian yang disebabkan oleh perbuatan yang menyalahi undang-undang;
  - o) kerugian yang tidak berlaku dalam Tempoh Polisi.
  - p) Perbelanjaan perniagaan yang dilakukan dengan kad kredit komersial yang dikaitkan kepada syarikat dan bukan seorang yang bernama, iaitu kakitangan, pengarah, individu yang dibenarkan oleh syarikat dan/atau kakitangan Pengurusan
2. Syarikat tidak akan menyediakan perlindungan dan Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau menyediakan apa-apa Manfaat di bawah peruntukan perlindungan sedemikian, pembayaran Manfaat sedemikian akan mendedahkan Syarikat, syarikat induknya atau entiti kawalan utamanya kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau perdagangan atau sekatan, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

**BAGI SEMUA MAKSUD DAN TUJUAN, JIKA TERDAPAT PERCANGGAHAN ATAU KEKABURAN MENGENAI MAKNA DALAM PERUNTUKAN BAHASA INGGERIS DAN PERUNTUKAN BAHASA MALAYSIA, VERSI BAHASA INGGERIS AKAN DIGUNAKAN.**